



FAIQ (tiga dari kanan) menunjukkan sijil Anugerah Jaizah Imtiyaz Tuanku Canselor kepada rakannya selepas majlis Istiadat Konvokesyen.

Tak pernah ponteng kelas

Baling: Rajin mengulang kaji silibus yang dipelajari selepas selesai sesi kuliah menjadi resipi kejayaan buat Wan Ahmad Faiq Wan Adnan, 29, yang terpilih menerima Anugerah Jaizah Imtiyaz Tuanku Canselor pada Konvokesyen Kolej Universiti Insaniah (KUIN) di kampus Kuala Ketil, di sini, semalam.

Anak bongsu daripada enam beradik yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Usuludin itu berkata, tiada jalan pintas untuk

menjadi kejayaan melainkan usaha keras yang dilakukan.

“Sesiapa saja yang berada di peringkat pengajian tinggi, tiada beza cara mereka dan saya belajar. Sekiranya seseorang mahu mencipta lebih kejayaan, maka perlu gigih berusaha untuk mendapat apa yang diimpikan,” katanya ketika ditemui, di sini.

Katanya, dia sentiasa meluangkan masa seketika selepas sesi kuliah berakhir bagi mengingatkan kembali si-

libus yang diajar oleh pensyarah di dalam bilik kuliah.

“Saya percaya dengan cara itu dapat menguatkan ingatan terhadap subjek yang dipelajari berkenaan dan ia menjadi amalan saya untuk meraih kejayaan ini,” katanya.

Selain itu, katanya, kehadiran ke kelas menjadi keutamaan kerana baginya belajar melalui pensyarah adalah berbeza kefahamannya berbanding sekadar belajar melalui buku.